

15 JUN 2002

Khalil-Puteri

STATUS AZALINA DALAM PUTERI UMNO DITENTU MELALUI PEMILIHAN, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Status ketua penaja Azalina Othman Said dalam Puteri Umno selepas ia diwujudkan secara formal bergantung kepada anggota-anggota badan itu, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Mohd Khalil Yaakob hari ini.

"Selepas pengesahan, ia akan ada proses pemilihan seperti yang selalu diamalkan oleh Umno. Kalau tak ada pencalonan lain, maka dia akan disahkan sebagai ketua iaitu berstatus Naib Presiden," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Hari Keluarga dan Majlis Silaturrahim Kementerian Penerangan Tahun 2002 di sini.

Puteri Umno sebagai kumpulan penaja telah dilancarkan secara rasmi pada 3 Ogos 2000 dan akan menjadi sayap ketiga Umno selepas Pergerakan Pemuda Umno dan Pergerakan Wanita Umno.

Sementara itu, Khalil berkata Majlis Tertinggi akan mematuhi apa jua keputusan yang bakal diambil oleh pihak perwakilan berkenaan penentuan tarikh pemilihan parti Umno.

"Yang amat berhormat presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata ini semua terpulang kepada pendapat perwakilan untuk menyuarakan atau membayangkan. Kalau mereka tak mahu, Majlis Tertinggi akan patuhlah," katanya.

Bagaimanapun, katanya perlu ada pihak yang membuat keputusan mengenai soal penangguhan tarikh pemilihan parti sama ada Perhimpunan Agung atau Majlis Tertinggi.

Khalil yang juga Menteri Penerangan juga berkata Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan mematuhi arahan Kementerian Kesihatan agar memberhentikan iklan dan tajaan rokok.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Mohamad Taha Arif sebelum ini berkata semua jenis iklan rokok dan tajaan syarikat rokok bagi apa-apa aktiviti dan promosi jenama rokok di media massa tempatan akan ditamatkan seawal-awalnya pertengahan tahun depan.

"Dari segi kita di RTM, kita akan patuh kepada arahan kerajaan khususnya daripada kementerian kesihatan. Kalau Kementerian Kesihatan minta kita hentikan iklan, kita hentikan iklan," kata Khalil.

Lagipun, katanya daripada segi pendapatan, kerajaan tidak sepatutnya bergantung kepada keuntungan yang diperolehi daripada iklan.

Bagaimanapun, katanya penarikan balik iklan-iklan berkenaan akan dibuat secara berperingkat kerana ada di antara para pengiklan ini mempunyai komitmen melalui kontrak dengan media massa.

-- BERNAMA

FAY AZZ RHM